

03 NOV 2002

Abdullah-warganegara/I

STATUS WARGANEGARA TAK DIBERI SECARA AUTOMATIK

KOTA KINABALU, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kerajaan memberikan taraf warganegara kepada rakyat asing hanya setelah ditimbang dengan teliti.

Timbalan Perdana Menteri berkata status itu tidak diberikan secara automatik kepada seseorang itu hanya kerana orang itu tinggal lama di negara ini.

"Soal keutamaan tidak timbul. Biasanya jika seseorang itu tinggal di negara ini lebih dari 10 tahun, kita akan memberi pertimbangan untuk status pemastautin tetap, dan selepas itu, ditimbangkan untuk kewarganegaraan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kongres tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Beliau diminta mengulas sama ada kerajaan akan memberi keutamaan kepada rakyat Filipina yang telah bertahun-tahun tinggal di Sabah.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata taraf kewarganegaraan tidak diberikan secara automatik kepada sesiapa pun.

Abdullah juga diminta mengulas cubaan menggunakan dokumen palsu semasa pilihan raya kecil kerusi Parlimen Gaya di sini bulan lepas.

"Kalau perkara itu ada (berlaku) pada waktu itu, kita harap pada masa akan datang tidak ada lagi kerana pada waktu ini, Barisan Nasional sedang membuat kajian yang berkaitan dengan daftar pengundi di seluruh negara.

"Kita harap sebarang perkara yang menimbulkan keraguan, akan dapat dihapuskan supaya nanti integriti daftar pemilih terpelihara," katanya.

Ketika diminta menghuraikan ucapannya supaya komponen BN sentiasa mengekalkan perpaduan, Abdullah berkata beliau gembira kerana perkara itu sentiasa diutamakan.

"Majoriti kemenangan (calon BN) yang lebih besar dalam pilihan raya kecil Gaya adalah buktinya. Kita harap tahap kerjasama dan kecekapan menguruskan jentera pilihan raya kita akan dapat dilihat semasa kita menghadapi pilihan raya umum," katanya.

Abdullah berkata PBS seperti juga setiap daripada parti komponen BN mempunyai peranan penting dalam mengukuhkan gabungan itu.

"Kita adalah satu pasukan. Seperti dalam bola sepak, tidak semua daripada kita boleh menjadi pengelecek. Kita semua kena menyumbang ke arah menjaringkan gol untuk mencapai kemenangan," katanya.

Ketika ditanya sama ada pemimpin-pemimpin PBS akan diberikan jawatan dalam kerajaan, Abdullah berkata perkara itu perlu dibincangkan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

JS MAI